

P.U. (A) 428.

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

**PERINTAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PELESENAN)
(PENGECUALIAN) 2007**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 dan 22 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Industri Perkhidmatan Air (Pelesenan) (Pengecualian) 2007**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

Pengecualian untuk Kerajaan Persekutuan

2. Kerajaan Persekutuan adalah dikecualikan daripada kehendak memegang lesen individu dan lesen kelas di bawah Akta.

Pengecualian untuk Kerajaan Negeri

3. Kerajaan Negeri adalah dikecualikan daripada kehendak memegang lesen kelas di bawah Akta.

P.U. (A) 428.

Takat pengecualian

4. (1) Walau apa pun pengecualian yang diberikan di bawah perenggan 2, Kerajaan Persekutuan adalah dikehendaki untuk mematuhi kewajipan dan obligasi di bawah Akta seolah-olah ia pemegang lesen individu atau lesen kelas, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Walau apa pun pengecualian yang diberikan di bawah perenggan 3, Kerajaan Negeri adalah dikehendaki untuk mematuhi kewajipan dan obligasi di bawah Akta seolah-olah ia pemegang lesen kelas.

Dibuat 19 Disember 2007
[KTAK: BP(S)9/9 Klt. 3; PN(PU²)660]

DATO' SRI DR. LIM KENG YAIK
Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi

WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006

WATER SERVICES INDUSTRY (LICENSING) (EXEMPTION) ORDER 2007

IN exercise of the powers conferred by sections 5 and 22 of the Water Services Industry Act 2006 [Act 655], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Water Services Industry (Licensing) (Exemption) Order 2007**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2008.

Exemption for the Federal Government

2. The Federal Government shall be exempted from holding an individual license and a class licence under the Act.

Exemption for State Government

3. The State Government shall be exempted from holding a class licence under the Act.

Extent of exemption

4. (1) Notwithstanding the exemption granted under paragraph 2, the Federal Government shall be required to comply with the duties and obligations under the Act as if it were an individual licensee or class licensee, as the case may be.

(2) Notwithstanding the exempting granted under paragraph 3, the State Government shall be required to comply with the duties and obligations under the Act as if it were class licensee.

Made 19 December 2007
[KTAK: BP(S)9/9 Klt. 3; PN(PU²)660]

DATO' SRI DR. LIM KENG YAIK
Minister of Energy, Water and Communications

P.U. (A) 429.

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

**PERINTAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PELESENAN)
(PENGECCUALIAN) (No. 2) 2007**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Industri Perkhidmatan Air (Pelesenan) (Pengecualian) (No. 2) 2007**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

Pengecualian

2. Pengurusan Aset Air Berhad dikecualikan daripada kehendak memegang lesen individu di bawah Akta ini.

Takat pengecualian

3. Walau apa pun pengecualian yang diberikan di bawah perenggan 2, Pengurusan Aset Air Berhad hendaklah mematuhi kewajipan dan obligasi pemegang lesen individu seolah-olah ia pemegang lesen individu di bawah Akta.

Dibuat 19 Disember 2007
[KTAK: BP(S)9/9 Klt. 3; PN(PU²)660]

DATO' SRI DR. LIM KENG YAIK
Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi

P.U. (A) 429-430.

WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006

WATER SERVICES INDUSTRY (LICENSING) (EXEMPTION) (No. 2) ORDER 2007

IN exercise of the powers conferred by sections 5 of the Water Services Industry Act 2006 [*Act 655*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Water Services Industry (Licensing) (Exemption) (No. 2) Order 2007**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2008.

Exemption

2. The Pengurusan Aset Air Berhad shall be exempted from holding an individual licence under the Act.

Extent of exemption

3. Notwithstanding the exemption granted under paragraph 2, the Pengurusan Aset Air Berhad shall comply with the duties and obligations of an individual licensee as if it is an individual licensee under the Act.

Made 19 December 2007
[KTAK: BP(S)9/9 Klt. 3; PN(PU²)660]

DATO' SRI DR. LIM KENG YAIK
Minister of Energy, Water and Communications

P.U. (A) 430.

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERINTAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PELESENAN) (PENGECUALIAN)
(No. 3) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberi di bawah seksyen 22 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Industri Perkhidmatan Air (Pelesenan) (Pengecualian) (No. 3) 2007**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa dari 1 Januari 2008 hingga 30 Jun 2008.

Pengecualian

2. Mana-mana orang yang memiliki suatu sistem bekalan air persendirian atau sistem pembedahan persendirian atau mana-mana bahagian sistem itu mengusahakan, menyediakan atau mengadakan apa-apa perkhidmatan bekalan air atau perkhidmatan pembedahan atau sebahagian daripada perkhidmatan itu dengan cara mengendalikan suatu sistem bekalan air persendirian atau sistem pembedahan persendirian, dikecualikan daripada memegang lesen kelas di bawah Akta.

Takat pengecualian

3. Walau apa pun pengecualian yang diberikan di bawah perenggan 2, seseorang yang dikecualikan daripada kehendak pelesenan hendaklah mematuhi kewajipan dan obligasi seorang pemegang lesen seolah-olah orang itu ialah pemegang lesen kelas di bawah Akta.

Dibuat 19 Disember 2007

[KTAK: BP(S)9/9 Klt. 3; PN(PU²)660]

DATO' SRI DR. LIM KENG YAIK
Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi

WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006

WATER SERVICES INDUSTRY (LICENSING) (EXEMPTION) (No. 3) ORDER 2007

IN exercise of the powers conferred by sections 22 of the Water Services Industry Act 2006 [*Act 655*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Water Services Industry (Licensing) (Exemption) (No. 3) Order 2007**.

(2) This Order is in operation from 1 January 2008 until 30 June 2008.

Exemption

2. Any person who owns a private water supply system or private sewerage system or any part of the system undertake, provide or make available any water supply services or sewerage services or part thereof by means of operating a private water supply system or private sewerage system, is exempted from holding a class licensee under the Act.

P.U. (A) 430-431.

Extent of exemption

3. Notwithstanding the exemption granted under paragraph 2, a person who is exempted from the licensing requirements shall comply with the duties and obligations of a licensee as if the person is a class licensee under the Act.

Made 19 December 2007
[KTAK: BP(S)9/9 Klt. 3; PN(PU²)660]

DATO' SRI DR. LIM KENG YAIK
Minister of Energy, Water and Communications

P.U. (A) 431.

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERINTAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PINDAAN KEPADA JADUAL) 2007

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 182 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Industri Perkhidmatan Air (Pindaan kepada Jadual) 2007**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

Pindaan Jadual

2. Jadual kepada Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dipinda dengan memotong butiran dan butir-butir yang berkaitan dengannya seperti yang berikut:

“2. Encorp Utilities Sdn Bhd Kontrak Pengendalian dan Pengurusan
Kemudahan dan Penswastaaan”.

Dibuat 19 Disember 2007
[KTAK: BP(S)9/9 Klt. 3; PN(PU²)660]

DATO' SRI DR. LIM KENG YAIK
Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi

WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006

WATER SERVICES INDUSTRY (AMENDMENT OF SCHEDULE) ORDER 2007

IN exercise of the powers conferred by section 182 of the Water Services Industry Act 2006 [*Act 655*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Water Services Industry (Amendment of Schedule) Order 2007**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2008.

Amendment of Schedule

2. The Schedule to the Water Services Industry Act 2006 is amended by deleting the following item and its related particulars:

“2. Encorp Utilities Sdn Bhd Operation and Management of Facilities
and Privatisation Contract”.

Made 19 December 2007

[KTAK: BP(S)9/9 Klt. 3; PN(PU²)660]

DATO' SRI DR. LIM KENG YAIK
Minister of Energy, Water and Communications